

ORIGINAL ARTICLE

Penerapan Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam Sekolah Rendah

Norziana Mat Rabi¹, Zulkifli Osman^{1*}, Anida Sarudin¹, Husna Faredza Mohamed Redzwan¹ and Norfishah Mat Rabi²

¹Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia.

²Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia.

ABSTRAK – Pengaplikasian elemen kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam (KSSR) (2015) selaras dengan kehendak Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu Sekolah Rendah. Namun, kajian lalu mendapati penerapan elemen ini masih belum dilaksanakan sepenuhnya. Justeru, objektif kajian ini ialah mengkaji tahap penerapan elemen KBAT dalam semua arahan aktiviti pembelajaran Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam (KSSR) berdasarkan jenis kemahiran bahasa, jenis kemahiran KBAT, dan Unit Pelajaran. Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam (KSSR) (2015) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka digunakan sebagai sampel kajian. Data dikumpul menggunakan senarai semak ciri-ciri elemen KBAT dan senarai semak arahan aktiviti pembelajaran. Data yang diperoleh dianalisis, dirumus dan dibandingkan antara setiap kemahiran bahasa dan jenis KBAT. Dapatkan kajian mendapati bahawa hanya 29.70% elemen KBAT diaplikasikan dalam Buku Teks Bahasa Melayu (KSSR) berbanding dengan penerapan elemen KBAR. Dapatkan juga mendapati bahawa 51% elemen KBAT diterapkan dalam kemahiran menulis berbanding dengan kemahiran membaca dan bertutur. Dapatkan turut menunjukkan bahawa elemen mencipta diterap lebih kerap (73.47%) berbanding dengan elemen KBAT yang lain. Dapatkan kajian juga menyerlahkan bahawa elemen mencipta lebih banyak diaplikasi dalam kemahiran menulis berbanding dengan kemahiran bahasa yang lain. Secara keseluruhannya, Buku Teks Bahasa Melayu KSSR (2015) masih belum mencapai piawaian penerapan elemen KBAT yang secara menyeluruh dan seimbang.

ARTICLE HISTORY

Revised: 25 October 2020

Accepted: 28 October 2020

KEYWORDS

Bahasa Melayu

Buku teks

Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT)

Kemahiran bertutur

Kemahiran membaca

Kemahiran menulis

Higher order thinking skills (HOTS)

Malay language

Reading skill

Speaking skill

Textbooks

Writing skill

The Application of Higher Order Thinking Skills Elements in Malay Language Standard Six Textbook

ABSTRACT – An application of an elements of higher-order thinking skills (HOTS) in the Malay Language Standard Six textbook align with The Malay Language National Primary School Standards-Based Curriculum and Assessment Document. However, past studies reported that the application of these elements has not fully implemented. Therefore, this study was conducted to study the level of application of KBAT elements in all instructions of learning activities in the Malay Language Standard Six textbook based on the types of language skills, KBAT skills, dan Learning Unit. In this study, the researchers used the Malay Language Standard Six textbook, which is published by Dewan Bahasa dan Pustaka, as the study sample. The study data were collected by using a checklist of the elements of HOTS and a checklist of instructions for learning activities. Data collected were analyzed and compared to every aspect of linguistic skill and the type of HOTS. The findings showed that only 29.70% of the elements of HOTS were applied in the Malay Language Standard Six textbook berbanding dengan penerapan elemen KBAR. The findings also showed that 51% of the elements of HOTS were mainly applied for writing skills compared to reading and speaking skills. Moreover, the findings showed that the element of creation was used at a higher rate (73.47%) compared to other elements. Furthermore, the findings showed that the element of creation was widely applied for the writing skill in the Malay language compared to other skills. Overall, the findings indicate that the Malay Language Standard Six textbook has not fully achieved the standard of the application of HOTS.

PENDAHULUAN

Rata-rata guru Bahasa Melayu di Malaysia masih menganggap bahawa buku teks merupakan antara bahan dan sumber pengajaran dan pembelajaran yang amat penting di dalam bilik darjah. Dalam erti kata lain, selain guru yang berupaya dan cekap berbahasa khususnya Bahasa Melayu tinggi dan berbudaya dipentingkan (Husna Faredza, Khairul Azam, Anida & Zulkifli, 2020), bahan sumber pengajaran, iaitu buku teks juga perlu berupaya dari segi kecekapan bahasa penyampaian ilmu dan isi kandungannya.

Di Malaysia, penulisan dan isi kandungan buku teks adalah berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum Pelajaran (DSKP). Penulisan buku teks juga dikehendaki menepati keperluan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menekankan matlamat pendidikan demi memastikan perkembangan potensi murid secara seimbang, bersepudu dan menyeluruh. Buku teks terkini dipersembahkan dalam bentuk modular untuk memastikan penguasaan kecekapan berbahasa yang baik. Pendekatan modular bermaksud memecahkan kemahiran kepada unit-unit kecil yang dikenali sebagai modul. Dalam mata pelajaran Bahasa Melayu terdapat lima modul, iaitu Modul Mendengar dan Bertutur, Modul Membaca, Modul Menulis, Modul Seni Bahasa dan Modul Tatabahasa, sejajar dengan kandungan Dokumen Kurikulum Standard dan Pentaksiran Bahasa Melayu Sekolah Rendah (KSSR) yang turut memberi penekanan terhadap kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis, serta penguasaan seni bahasa dan tatabahasa.

Pengisian kurikulum dan buku teks Bahasa Melayu sekolah rendah dibuat dengan mengambil kira dasar pendidikan yang terarah kepada pencapaian matlamat pendidikan, iaitu untuk membina dan menyusun semula sistem pendidikan yang terarah kepada pembentukan masyarakat dan generasi akan datang yang mempunyai identiti nasional dan bersatu padu. Objektif Pelan Pembangunan Pendidikan 2015-2025 telah dirangka bagi menghadapi cabaran abad ke-21 berdasarkan dasar dan laporan terdahulu yang sangat besar pengaruhnya. Antara lain, pelan ini menyatakan bahawa menjelang 2016, soalan berbentuk aras tinggi akan merangkumi sekurang-kurangnya 40% daripada soalan dalam UPSR dan sekurang-kurangnya 50% daripada soalan SPM (Laporan Eksekutif PPM 2015-2025, m.s. 25). Oleh yang demikian, penulisan buku teks juga seharusnya selaras dengan aspirasi ini, iaitu memberi penekanan lebih 40% terhadap penyerapan elemen KBAT, khususnya dalam arahan aktiviti bagi setiap unit.

Dalam hal ini, buku Panduan Aplikasi KBAT Berdasarkan Buku Teks KBSM Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 (2018) turut menyatakan bahawa penerapan KBAT adalah bagi membangunkan modal insan minda kelas pertama, bagi membantu, melatih dan melengkapkan murid dengan pengalaman dan kemahiran yang sesuai untuk menangani masalah kehidupan seharian yang semakin kompleks.

Sejakar dengan tuntutan negara dan kajian-kajian lalu, maka kajian ini dijalankan bagi meninjau sejauh mana elemen KBAT diaplikasikan dalam buku teks tersebut. Kajian ini penting kerana buku teks merupakan elemen utama yang dijadikan rujukan kepada guru dan murid dalam menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih bermakna serta dapat meningkatkan penguasaan kemahiran berfikir dalam kalangan murid (Nurul Hasna, Ahmad & Saedah, 2020), walaupun penerimaan guru terhadap buku teks Bahasa Melayu masih berada pada tahap yang sederhana (Zamri & Mahidin, 2011).

PENYATAAN MASALAH

Dewasa ini, pengaplikasian KBAT dalam pengajaran Bahasa Melayu di sekolah turut dibincangkan kerana kedudukan murid-murid di Malaysia dalam ujian Program Penilaian Murid Antarabangsa (PISA) tidak mencapai standard pemikiran kelas pertama dan tidak mampu mencapai aras yang memuaskan (Abdul Halim, Johari & Norhasniza, 2014). Hal ini demikian kerana ada pendapat menyatakan bahawa sistem pendidikan kita masih belum mantap untuk membekalkan pelajar kita dengan kemahiran berfikir (Nursafra, Mohd Isa & Khadijah, 2017). Hal ini terjadi kerana murid kurang didedahkan dengan penggunaan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP), malah mereka lebih banyak menggunakan KBAR yang lebih menumpu kepada proses menghafal dan mengingat (Chew & Zul Hazmi, 2018).

Tambahan pula terdapat juga guru yang kurang memahami dan mengenal pasti kewujudan elemen-elemen KBAT dalam soalan-soalan yang dikemukakan dalam buku teks Bahasa Melayu (Nurul Hasna, Ahmad & Saedah, 2020). Bagi melahirkan murid yang berdaya saing, KBAT perlu diberi penekanan dalam PdP sejak dari sekolah rendah lagi dan guru perlu memastikan konsep KBAT digunakan semasa berlangsung PdP bagi memastikan aspirasi kerajaan bagi meningkatkan kedudukan pencapaian negara daripada kelompok septiga terbahawha kepada kelompok septiga teratas dalam kalangan negara yang menyertai pentaksiran peringkat antarabangsa, seperti PISA dan TIMSS (PPPM 2015-2025:16).

Dari aspek penerapan KBAT dalam buku teks pula, kajian-kajian juga menunjukkan bahawa KBAT masih kurang diberi penekanan. Kajian Noor Rohana (2009) misalnya mendapati aras soalan dalam buku teks masih pada aras rendah. Malah, kajian terkini oleh Nurul Hasna, Ahmad, dan Saedah (2020) juga mendapati aktiviti PdP dan latihan dalam Buku Teks Bahasa Melayu Sekolah Rendah kurang memenuhi keperluan kemahiran berfikir dan penyelesaian masalah.

Kajian Chew dan Zul Hazmi (2018) juga mendapati pelaksanaan KBAT dalam soalan Bahasa Melayu di sekolah rendah menunjukkan bahawa tahap kekerapan dan keberkesanannya berada pada tahap yang tinggi, namun tahap penguasaan murid masih berada pada tahap tidak memuaskan. Atas sebab ini, pengkaji mencadangkan agar para guru Bahasa Melayu di SJK perlulah menggandakan usaha dalam menyelesaikan masalah penguasaan asas BM dalam kalangan murid agar KBAT dapat diaplikasikan dalam PdP dengan lebih lancar.

Dapatan-dapatan ini membuktikan bahawa aras kognitif yang terkandung dalam soalan, arahan aktiviti dan bahan kurikulum, termasuk dalam buku teks masih memberi tumpuan pada aras rendah, terutamanya aras pengetahuan dan

pemahaman, manakala soalan pada aras kognitif atau pemikiran tinggi diabaikan. Bertitik tolak dari isu-isu yang dibincangkan di atas, kajian ini akan memberi fokus terhadap jenis arahan aktiviti yang terdapat dalam setiap unit pembelajaran dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam (KSSR) (2015). Kajian ini penting bagi mengkaji sejauh mana hasrat dan matlamat PPM 2015-2015 dan aspirasi BPK (2014) direalisasikan dalam buku teks yang dikaji ini dalam usaha negara menuju abad ke-21.

KBAT sangat penting dalam proses PdP murid kerana kemahiran ini mampu membentuk murid yang berkeupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu (KPM, 2013). Berdasarkan Taksonomi Bloom semakan Anderson, Krathwohl dan Bloom (2001) yang merujuk KBAT sebagai kemahiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta, maka kajian ini akan mengkaji tahap pengaplikasian elemen-elemen KBAT ini dalam buku teks Bahasa Melayu peringkat sekolah rendah.

SOROTAN KAJIAN

Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) (2014) melalui Matriks Kemahiran Berfikir yang dibangunkannya, menjelaskan bahawa, kemahiran berfikir ini boleh dikelaskan mengikut tahap pemikiran murid, iaitu dari tahap 1 hingga 5. Dalam kajian ini, hanya tahap 2 dibincangkan kerana tahap ini adalah tahap yang ditetapkan untuk murid Tahun Empat hingga Tahun Enam. Tahap ini adalah bersesuaian dengan tahap buku teks yang dinilai, iaitu Buku Teks BM Tahun Enam. Menurut BPK (2014), matrik kemahiran berfikir bagi Tahap 2 adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1. Kemahiran Berfikir Murid Tahap 2
(Tahun Empat – Tahun Enam Sekolah Rendah).

KBAR		KBAT			
Mengingat	Memahami	Mengaplikasi	Menganalisis	Menilai	Mencipta
Menyatakan definisi, pengetahuan, kemahiran dan nilai yang asas.	Menerangkan atau memerihal sesuatu perkara yang berkaitan dengan pengetahuan, memberi contoh pengetahuan, kemahiran dan nilai yang asas.	Menunjuk cara sesuatu perkara yang berkaitan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang asas dalam situasi yang berlainan.	Mencerakinkan sesuatu perkara yang asas dan membuat hubung kait untuk membuat kesimpulan.	Membuat keputusan berdasarkan pertimbangan dengan memberi justifikasi dalam satu situasi.	Menambah baik produk yang sedia ada dengan bimbingan.

Elemen KBAT dalam Bahan Pembelajaran Bahasa

Banyak kajian telah dijalankan terhadap keupayaan KBAT dalam meningkat pencapaian akademik dan kemahiran bahasa. Antaranya ialah kajian Sri Setyarini, Ahmad Bukhori, Dwi Rukmini, Issy Yuliasri dan Yanuarius (2018), Anida, Dahlia, Zulkifli, dan Ahmad Khair (2016), Saipolbarin, Muhammad Taufiq, Nazri dan Taj Rijal (2019), Farah Aziana dan Fadzilah (2018), Norziana (2017), Zamri dan Mahidin (2011) dan Scully (2017).

Sri Setyanti et al. (2018) dalam kajian terhadap strategi KBAT dan keupayaan meningkatkan kemahiran bercerita dalam kalangan murid mendapati bahawa kemahiran KBAT seperti kemahiran menganalisis dan menilai dapat meningkatkan kecekapan bercerita murid. Namun, dapatannya juga turut mendapati bahawa murid masih menghadapi kesukaran untuk mencipta cerita mereka sendiri kerana kelemahan mereka dalam menguasai ayat dan tidak biasa dengan konteks cerita yang diberikan. Dalam hal ini, Scully (2017) mendapati bahawa KBAT bukanlah satu-satu pendekatan yang terbaik untuk semua hal. Dalam kajianinya, beliau mendapati bahawa, walaupun KBAT sangat berkesan dalam membantu kemahiran berfikir dalam kalangan murid, namun dalam konteks pembinaan soalan pelbagai pilihan, penggunaan KBAT adalah tidak sesuai. Malah, beliau menambah bahawa soalan berbentuk terbuka dan esei lebih sesuai dalam mengaplikasikan KBAT.

Kajian terhadap pelbagai aras soalan telah dijalankan oleh Anida, Dahlia, Zulkifli dan Ahmad Khair (2016). Dalam kajian ini, mereka mendapati pembentukan soalan berasaskan urutan, iaitu daripada aras kognitif rendah kepada aras kognitif tinggi memberi kesan kepada pembentukan daya berfikir murid. Dapatkan kajian ini juga membuktikan bahawa KBAT dapat meningkatkan aras kognitif murid.

Pada peringkat yang lebih tinggi, kajian Saipolbarin Ramli, Muhammad Taufiq Abdul Ghani, Nazri Atoh dan Taj Rijal Muhammad Romli (2019) telah menganalisis integrasi antara elemen KBAT dan instrumen kit media dalam amalan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) guru-guru pelatih bahasa Arab UPSI. Dapatkan kajian mereka mendapati intergrasi penggunaan kit media dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) bahasa Arab dapat merangsang aktiviti KBAT dalam kalangan pelajar. Ini menunjukkan bahawa bahan pembelajaran yang sesuai dapat merangsang aktiviti KBAT dalam kalangan pelajar.

Dari aspek peningkatan motivasi dan kemahiran berbahasa murid, Zulkifli (2015) turut mendapati bahawa KBAT dapat meningkatkan tahap motivasi murid serta kemahiran berbahasa mereka. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa skor min bagi kemahiran bahasa pelajar dalam ujian pasca meningkat berbanding dengan ujian pra.

Dalam memahami konsep KBAT dalam kemahiran membaca pula, Afflerbach, Cho dan Kim (2015) mencirikan bahawa kemahiran membaca boleh memenuhi KBAT jika memenuhi proses membaca tersebut bersifat (a) goal-directed, (b) responsive, dan (c) self-regulated. Bagi mencapai tujuan tersebut, Afflerbach, Cho dan Kim (2015) menyarankan beberapa langkah bagi memenuhi matlamat tersebut, iaitu:

- i) Aplikasi strategi dan kemahiran asas membaca bagi membina pemahaman yang tepat bagi setiap teks yang dibaca;
- ii) Ringkaskan setiap teks dan catat maklumat yang relevan bagi setiap teks;
- iii) Buat penilaian bagi mementukan setiap informasi dalam teks sesuai untuk disampaikan dalam aktiviti lisan;
- iv) Sintesis teks yang dibaca dan catat keunikan informasinya serta kongsikan informasi itu;
- v) Persembahkan bahan tersebut sama ada secara lisan atau bertulis; dan
- vi) Gunakan strategi metakognitif untuk menyampaikannya.

Peranan Guru dalam Meningkatkan KBAT

Pelaksanaan elemen KBAT dalam pengajaran banyak bergantung kepada kesediaan guru melaksanakannya. Kajian Farah Aziana dan Fadzilah (2018) terhadap kesediaan dan keperluan guru dalam pelaksanaan KBAT dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) bahasa Melayu di sekolah mendapati bahawa kebanyakan guru masih belum bersedia melaksanakan KBAT dalam pengajaran mereka kurang pendedahan tentang cara pelaksanaan KBAT dalam PdPc, tidak tahu kaedah untuk menerapkan KBAT dalam PdPc dan juga dibebani dengan pelbagai tugas lain yang menghalang untuk melaksanakan PdPc berdasarkan KBAT. Kajian Zamri dan Mahidin (2011) terhadap sikap guru Bahasa Melayu sekolah rendah dalam menggunakan buku teks Bahasa Melayu juga membimbangkan. Kajian mereka juga mendapati bahawa sikap guru Bahasa Melayu terhadap penggunaan buku teks berada pada tahap sederhana khususnya dari aspek isi kandungan, persembahan serta aktiviti dan latihan, dan tahap kekerapan penggunaan buku teks. Ini membuktikan bahawa kewujudan elemen KBAT dalam buku teks masih berada pada tahap yang rendah dan usaha guru melaksanakan KBAT masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan.

Dalam konteks sikap dan cabaran guru melaksanakan KBAT di luar negara, situasi yang sama turut berlaku. FitzPatrick dan Schulz (2015) turut mendapati bahawa dalam pengajaran sains, guru-guru hanya memberi penekanan terhadap penyampaian fakta dan penerangan, selain ingatan dan penjelasan berbanding dengan alasan (reason), dan pembuktian (evidence). Malah beliau menambah, rata-rata guru masih memberi keutamaan terhadap sukatan pelajaran sahaja, malah menganggap “inilah tugas utama guru” walaupun dalam dokumen sukanan pelajaran ternyata dengan jelas bahawa KBAT wajar dilaksanakan. Tugas guru sangat penting kerana kajian Scales dan Tracy (2017) juga mendapati bahawa kebolehan dan kebebasan guru menggunakan teks yang mengandungi elemen KBAT dapat meningkatkan pemikiran kritis dalam kalangan murid.

Anida, Zulkifli, Husna Faredza, Mohd Amir dan Marlini (2020) pula mengenal pasti pelaksanaan KBAT yang diamalkan oleh guru-guru Bahasa Melayu dalam pedagogi Bahasa Melayu dan mengukur elemen KBAT berdasarkan Skala Ketelusan Kognitif (*Cognitive Research Trust- CoRT*) di sekolah-sekolah menengah Orang Asli di Perak. Hasil kajian mereka mendapati bahawa Skala Ketelusan Kognitif dapat menjadi peranti efektif dalam mengukur elemen KBAT dalam pedagogi Bahasa Melayu. Namun, dari aspek penggunaan aspek CoRT, kebanyakan guru masih menggunakan pada aras yang sederhana.

Aplikasi KBAT dalam Buku Teks

Dari aspek pelaksanaan KBAT dalam buku teks pula, dua kajian telah disorot, pertama kajian Norziana (2017) dan kedua kajian Zamri dan Mahidin (2011). Kajian Norziana (2017) mendapati bahawa secara amalannya, elemen KBAT masih tidak dilaksanakan sepenuhnya dalam sistem pendidikan kita, khususnya dalam penulisan Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam (KSSR). Data kajiannya menunjukkan bahawa penerapan elemen KBAT dalam setiap unit pelajaran dalam Buku Teks tersebut tidak mencapai sasaran pelaksanaan yang ditetapkan, iaitu 40%. Kajian Zamri dan Mahidin (2011) pula mendapati guru masih belum bersedia sepenuhnya melaksanakan kehendak buku teks dalam meningkatkan KBAT.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti elemen-elemen KBAT dalam arahan soalan dan aktiviti pembelajaran dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 6 (KSSR) (2015). Secara khususnya objektif kajian ini ialah:

- 1) Mengkaji tahap penerapan elemen KBAT dan KBAR dalam semua arahan aktiviti pembelajaran Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam (KSSR).
- 2) Mengkaji tahap penerapan elemen KBAT dalam arahan dan aktiviti pembelajaran Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam (KSSR) berdasarkan kemahiran bahasa Melayu bagi setiap unit.
- 3) Mengkaji tahap penerapan elemen-elemen KBAT dalam arahan dan aktiviti pembelajaran Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam (KSSR) berdasarkan jenis kemahiran KBAT bagi setiap unit.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Kaedah analisis kandungan digunakan dalam kajian ini. Kaedah ini digunakan kerana melibatkan kajian terhadap bahan bercetak, iaitu buku teks. Kaedah kandungan juga digunakan kerana kaedah ini dapat menjelaskan dan mengukur fenomena (Downe-Wamboldt, 1992; Schreier, 2012). Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti elemen KBAT dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam (KSSR) (2015) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang digunakan di sekolah kebangsaan di seluruh negara. Penyelidik menganalisis setiap unit yang terdapat dalam buku teks yang melibatkan 33 unit. Setiap unit dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam KSSR (2015) ini mengandungi lima aktiviti, iaitu aktiviti kemahiran mendengar dan bertutur, membaca, menulis, seni bahasa dan tatabahasa. Namun, kajian ini hanya mengenal pasti elemen-elemen KBAT seperti mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta dalam arahan aktiviti yang disediakan dalam setiap unit pelajaran. Jadual 2 menunjukkan contoh cara mengenal pasti elemen KBAT dalam Unit 1.

Jadual 2. Cara Mengenal Pasti Arahan Aktiviti dalam Setiap Unit Pelajaran.

	Kemahiran Bahasa	Arahan Aktiviti	Analisis Elemen KBAT	Elemen
Unit 1	Mendengar dan Bertutur	Menyebut pelbagai jenis ayat dan ragam ayat dengan betulnya.	X	
	Membaca	Menjelaskan pernyataan berdasarkan teks	X	
	Menulis	Menulis teks secara mekanis dengfan betul dan kemasnya.	X	
	Seni Bahasa: Menghasilkan Cerita	Menghasilkan cerita berpandukan seni kata lagu.	✓	Mencipta
	Tatabahasa	Bercerita dengan menggunakan kata nama am dan penjodoh bilangan yang betul.	X	

Kaedah kajian ini dijalankan sehingga Unit ke 33. Bagi menjawab soalan kajian 1, iaitu “Apakah tahap penerapan elemen KBAT dalam arahan dan aktiviti pembelajaran Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam (KSSR) berdasarkan kemahiran bahasa Melayu?” dan soalan kajian 2, iaitu “Apakah tahap penerapan elemen-elemen KBAT dalam arahan dan aktiviti pembelajaran Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam (KSSR) berdasarkan jenis kemahiran KBAT?”, kekerapan dan peratus digunakan. Bagi mendapatkan contoh penggunaan elemen KBAT dalam arahan aktiviti dalam setiap unit pelajaran, kata kunci yang mewakili setiap elemen KBAT digunakan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3. Kata Kunci bagi Setiap Elemen KBAT.

Eleman KBAT	Kata Kunci
Mengaplikasi	menunjuk cara, menggambarkan, menggunakan pakai, menggunakan, menunjukkan, menyelesaikan, melakar, mengkelaskan, melukis, memeriksa, melaksana melengkapkan, menyesuaikan, meramalkan dan membina.
Menganalisis	mengkategorikan, mengenal pasti, melaksana uji, menyiasat, membezakan, menilai, membanding, memisahkan, mencerakin, menerangkan, memaparkan, meramalkan, menganalisis, mengesan, memeriksa dan menguji.
Menilai	menilai, memilih, membuat keputusan, memberi alasan, mentaksir, menggunakan, membuat kesimpulan, mempertimbang, mengutamakan, menentukan, membincangkan, mengesahkan, mempertahan, mencadangkan, menyokong dan membahaskan.
Mencipta	merancang, membangunkan, menjana, memasang, menyusun semula, meramal, mencipta, menyediakan, mereka cipta, mengubah, mencadangkan, menggabungkan, mereka bentuk, menghasilkan, menaik taraf, mereka, merumuskan dan membina.

DAPATAN KAJIAN

Kekerapan Penerapan Elemen KBAT dan KBAR dalam Semua Arahan Aktiviti Pembelajaran Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam (KSSR)

Jadual 4 menunjukkan bahawa secara keseluruhannya atau daripada 165 arahan aktiviti yang terdapat dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam (KSSR), hanya 49 atau 29.70% arahan aktiviti sahaja yang melibatkan penerapan eleman KBAT, manakala 116 atau 70.30% lagi adalah elemen KBAR.

Jadual 4. Kekerapan Penerapan Elemen KBAT dan KBAR dalam Setiap Unit Buku Teks Bahasa Melayu KSSR (2015).

Kemahiran	Kekerapan (Bil.)	Peratus (%)
KBAT	49	29.70
KBAR	116	70.30
Jumlah	165	100

Kekerapan Penerapan Elemen KBAT dalam Arahan Aktiviti Pembelajaran Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam (KSSR) Berdasarkan Kemahiran Bahasa

Penulisan buku teks yang berkesan dan mantap perlulah ditonjolkan melalui penyediaan arahan aktiviti pada bahan yang diberikan dalam buku teks. Arahan aktiviti dalam buku teks perlulah tepat, ringkas dan mudah difahami oleh murid. Namun begitu, penerapan elemen KBAT pada arahan aktiviti amat penting bagi menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan KBAT bagi mengasah murid berfikir. Jadual 5 menunjukkan kekerapan penerapan elemen KBAT dalam setiap arahan aktiviti.

Jadual 5. Kekerapan Penerapan Elemen KBAT dalam Kemahiran Mendengar dan Bertutur, Kemahiran Membaca dan Kemahiran Menulis.

Kemahiran	Kekerapan (Bil.)	Peratus (%)
Mendengar dan Bertutur	5	10.20
Membaca	19	38.77
Menulis	25	51.02

Berdasarkan Jadual 5, didapati bahawa sebanyak 5 kali penggunaan elemen KBAT yang digunakan dalam kemahiran mendengar dan bertutur, iaitu sebanyak 10.20% sahaja. Elemen KBAT pada arahan aktiviti dalam kemahiran membaca digunakan sebanyak 19 kali, iaitu 38.77% manakala elemen KBAT dalam kemahiran menulis pula ialah 25 kali atau 51.02% pengaplikasian.

Daripada huriahan ini dapat disimpulkan bahawa elemen KBAT diterapkan dalam ketiga-tiga kemahiran bahasa, namun penerapan elemen KBAT dalam kemahiran menulis lebih banyak berbanding dengan kemahiran mendengar dan bertutur dan kemahiran membaca. Berdasarkan jadual di atas, penyelidik telah memperincikan lagi penggunaan elemen KBAT dengan lebih mendalam, iaitu menganalisis satu demi satu elemen KBAT yang digunakan pada setiap arahan aktiviti yang diberikan.

Kekerapan Penerapan Elemen KBAT dalam Arahan Aktiviti Pembelajaran Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam (KSSR) Berdasarkan Jenis Kemahiran KBAT

Jadual 6 menunjukkan kekerapan penggunaan elemen KBAT mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam (KSSR).

Jadual 6. Kekerapan Penggunaan Elemen KBAT Mengaplikasi, Menganalisis, Menilai dan Mencipta dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam (KSSR).

Elemen KBAT	Kekerapan (Bil.)	Peratus (%)
Mengaplikasi	5	2.04
Menganalisis	19	10.20
Menilai	25	14.29
Mencipta	36	73.47

Jadual 6 menunjukkan bahawa elemen KBAT mencipta merupakan elemen yang paling dominan diaplikasikan, berbanding dengan elemen lain, iaitu sebanyak 36 kali atau 73.47%. Manakala elemen mengaplikasi merupakan elemen yang paling kurang diaplikasi, iaitu sekali pengaplikasian atau 2.04%. Secara dasarnya, penggunaan elemen KBAT ini tidak seimbang, walaupun setiap kemahiran bahasa ada menerapkan elemen KBAT ini.

Penerapan Elemen-Elemen KBAT Berdasarkan Unit Pelajaran

Elemen Mengaplikasi

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia melalui PPM 2013-2025, tahap pemikiran aplikasi memerlukan murid menggunakan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam situasi yang berlainan untuk melakukan sesuatu. Dalam konteks ini murid berupaya menyelesaikan masalah dengan mengaplikasikan konsep yang mereka fahami melalui aktiviti PdP. Antara kata kerja yang berkaitan dengan tahap pemikiran aplikasi adalah seperti menunjuk cara, menggambarkan, menggunakan pakai, menggunakan, menunjukkan, menyelesaikan, melakar, mengkelaskan, melukis, memeriksa, melaksana melengkapkan, menyesuaikan, meramalkan dan membina. Kajian ini mendapat bahawa elemen KBAT mengaplikasi hanya sekali digunakan dalam buku teks, iaitu dalam Unit 18: Bersyukurlah. Jadual 7 menunjukkan penggunaan elemen tersebut.

Jadual 7. Kewujudan Elemen KBAT Mengaplikasi dalam Unit 18 Bersyukurlah.

Modul Kemahiran	Arahan Aktiviti	KBAT	Bukan KBAT	Elemen KBAT
Mendengar dan Bertutur	Berbual dengan berdasarkan gambar secara bertatasusila. (m.s. 99)		√	
Membaca	<i>Membuat</i> rumusan berdasarkan teks. (ms.100)	√		Mencipta
Menulis	<i>Melengkapkan</i> karangan menggunakan penanda wacana. (m.s. 101)	√		Mengaplikasi

Jadual 7 menunjukkan kewujudan elemen KBAT mengaplikasi pada arahan aktiviti dalam Modul kemahiran menulis, iaitu ‘Melengkapkan karangan menggunakan penanda wacana’. Arahan perkataan ‘melengkapkan’ tersenarai dalam kata kerja yang menjadi penanda dalam ciri-ciri Elemen KBAT mengaplikasi.

Elemen Menganalisis

Menurut PPM 2013-2025, tahap pemikiran menganalisis bererti murid mencerakinkan maklumat kepada bahagian-bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta menghubung kait antara bahagian berkenaan. Dalam konteks ini murid berupaya mentafsir peranan dan fungsi setiap bahagian kecil untuk memahami sesuatu konsep secara menyeluruh. Antara kata kerja yang berkaitan dengan tahap pemikiran analisis adalah seperti mengkategorikan, mengenal pasti, melaksana uji, menyiasat, membezakan, menilai, membanding, memisahkan, mencerakin, menerangkan, memaparkan, meramalkan, menganalisis, mengesan, memeriksa dan menguji. Kajian ini mendapat bahawa elemen KBAT menganalisis digunakan sebanyak lima kali, iaitu 10.20% dalam buku teks. Unit-unit yang menggunakan elemen KBAT menganalisis ialah Unit 4, 5, 10, 15, dan 25. Jadual 8 menunjukkan taburan kewujudan penerapan elemen menganalisis setiap unit.

Jadual 8. Pengaplikasian Elemen KBAT Menganalisis dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam (KSSR).

Unit	Modul Kemahiran	Arahan Aktiviti
4	Mendengar dan Bertutur	<i>Memberikan respons</i> dan menyampaikan pesanan dengan bahasa yang santun. (m.s. 18)
5	Menulis	<i>Memurnikan</i> teks. (m.s. 25)
10	Mendengar dan Bertutur	<i>Berbicara</i> untuk mendapatkan maklumat untuk membuat rumusan.(m.s.54)
15	Menulis	<i>Mengedit</i> dan <i>memurnikan</i> teks. (ms.85)
25	Membaca	<i>Mengenal pasti</i> dan menyatakan maksud ayat yang mengandungi perkataan berimbuhan. (m.s. 147)

Jadual 8 menunjukkan bahawa pengaplikasian elemen KBAT menganalisis dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam (KSSR). Elemen KBAT menganalisis ini wujud dalam lima unit buku teks, iaitu Unit 4: Minda, Oh, Minda, Unit 5: Usahlah Stres, Unit 10: Selamat dalam Perjalanan, Unit 15: Perpaduan Memajukan Negara dan Unit 25: Keajaiban Sains.

Dalam Unit 4: Monda, Oh, Minda, elemen KBAT menganalisis wujud pada arahan aktiviti dalam Modul Kemahiran Medengar dan Bertutur. Arahan aktiviti dalam unit ini, iaitu ‘Memberikan respons dan menyampaikan pesanan dengan bahasa yang santun’ tidak menggunakan kata kunci ciri-ciri elemen KBAT, namun murid perlu menggunakan kemahiran berfikir menganalisis untuk melaksanakan aktiviti ini. Memandangkan aktiviti ini memerlukan murid mencerakinkan dan menghubungkaikan maklumat, maka penyelidik berpendapat bahawa kata kunci elemen KBAT menganalisis perlu dimasukkan ‘memberikan respons’. Walau bagaimanapun, arahan aktiviti tersebut juga boleh digantikan dengan

menggunakan arahan aktiviti yang baharu seperti ‘Menganalisis maklumat dan menyampaikan pesanan dengan bahasa yang santun’.

Dalam Unit 5: Usahlah Stres dan Unit 15: Perpaduan Memajukan Negara pula, elemen KBAT menganalisis wujud dalam Modul Kemahiran Menulis, iaitu ‘Memurnikan teks’ dan ‘Mengedit dan memurnikan teks’. Aktiviti ini juga memerlukan murid mengedit teks dan mengenal pasti kesalahan dari segi ejaan, tanda baca, kosa kata, imbuhan dan struktur ayat. Namun arahan aktiviti ini tidak menggunakan kata kunci ciri-ciri elemen KBAT menganalisis walaupun aktiviti ini merupakan aktiviti yang menggunakan kemahiran berfikir aras tinggi. Oleh itu, penyelidik berpendapat bahawa kata kunci elemen KBAT menganalisis perlu dimasukkan ‘memurnikan teks’ atau ‘mengedit’ agar bersesuaian dengan aktiviti yang terdapat dalam mata pelajaran bahasa Melayu.

Dalam Unit 10: Selamat dalam Perjalanan, elemen KBAT menganalisis wujud dalam Modul Kemahiran Mendengar dan Bertutur, iaitu ‘Bericara untuk mendapatkan maklumat untuk membuat rumusan’. Kata kunci yang menjurus arahan aktiviti ini kepada elemen KBAT menganalisis ialah ‘membuat rumusan’. Selain itu, Unit 25: Keajaiban Sains juga terdapat elemen KBAT menganalisis dalam Modul Membaca, iaitu ‘Mengenal pasti dan menyatakan maksud ayat yang mengandungi perkataan berimbuhuan’. Arahan aktiviti ini jelas menunjukkan terdapatnya elemen KBAT menganalisis dengan ditandai oleh kata kunci ‘mengenal pasti’.

Elemen Menilai

Menurut PPM 2013-2025, tahap pemikiran menilai dapat direalisasikan apabila murid membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, kemahiran dan nilai serta memberi justifikasi. Antara kata kerja yang berkaitan dengan tahap pemikiran penilaian adalah seperti menilai, memilih, membuat keputusan, memberi alasan, mentaksir, menggunakan, membuat kesimpulan, mempertimbangkan, mengutamakan, menentukan, membincangkan, mengesahkan, mempertahankan, mencadangkan, menyokong dan membahaskan. Dalam kajian ini, penyelidik mendapati bahawa terdapat sebanyak tujuh kali atau 14.29% penggunaan elemen KBAT menilai digunakan dalam buku teks.

Jadual 9. Pengaplikasian Elemen KBAT Menilai dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam (KSSR).

Unit	Modul Kemahiran	Arahan Aktiviti
6	Membaca	<i>Membuat keputusan</i> dengan memberikan alasan berdasarkan teks. (m.s. 28)
11	Mendengar & Bertutur	<i>Berbincang dan memberikan pendapat</i> dengan menggunakan ayat yang gramatis secara bertatusil. (m.s. 59)
15	Membaca	<i>Membuat keputusan dan memberikan alasan yang sesuai.</i> (m.s. 84)
19	Membaca	<i>Membuat keputusan</i> dengan memberikan alasan yang sesuai. (m.s. 111)
20	Membaca	<i>Membuat ulasan tentang cerita “Tukang Kayu dan Tukang Besi”.</i> (m.s. 116)
25	Mendengar & Bertutur	<i>Berbincang dan mengemukakan pendapat</i> secara kritis dan kreatif. (m.s. 146)
28	Membaca	<i>Membuat keputusan</i> dengan memberikan alasan. (m.s. 163)

Jadual 9 menunjukkan elemen KBAT menilai dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam (KSSR). Elemen KBAT menilai ini terdapat dalam tujuh unit dalam buku teks, iaitu Unit 6: Terima Kasih, Cikgu, Unit 11: Pastikan Selamat, Unit 15: Usahlah Stres, Unit 19: Khazanah Kesenian Bangsa, Unit 20: Warisan Berharga, Unit 25: Keajaiban Sains, dan Unit 28: Hargailah Pokok. Dalam ketujuh-tujuh unit ini, terdapat sebanyak lima elemen KBAT menilai pada arahan aktiviti dalam Modul Kemahiran Membaca. Kelima-lima unit tersebut, iaitu Unit 6, Unit 15, Unit 19, Unit 20 dan Unit 28 manakala Unit 11 dan Unit 25 pula terdapat dalam Modul Kemahiran Mendengar dan Bertutur.

Elemen Mencipta


Menurut PPM 2013-2015, tahap pemikiran mencipta adalah tahap KBAT yang memerlukan murid menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif. Menurut PPM 2013-2025 lagi, antara kata kerja yang berkaitan dengan tahap pemikiran mencipta adalah seperti merancang, membangunkan, menjana, memasang, menyusun semula, meramal, mencipta, menyediakan, mereka cipta, mengubah, mencadangkan, menggabungkan, mereka bentuk, menghasilkan, menaik taraf, mereka, merumuskan dan membina. Dalam kajian ini, penyelidik mendapati bahawa terdapat sebanyak 36 kali atau 73.47% penggunaan elemen KBAT mencipta yang digunakan dalam ketiga-tiga modul kemahiran bahasa. Jadual 10 menunjukkan kewujudan elemen KBAT mencipta dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam (KSSR).

Jadual 10. Kewujudan Elemen KBAT Mencipta dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam (KSSR).

Unit	Modul Kemahiran	Arahan Aktiviti
1	Menulis	Menghasilkan cerita berpandukan seni kata lagu. (m.s. 4)
2	Menulis	Mengubah suai seni kata lagu. (m.s. 9)
3	Membaca	Membuat ulasan berdasarkan teks dengan tepat. (m.s. 12)
4	Menulis	Membina kerangka dan menulis karangan jenis autobiografi dan fakta. (m.s. 20)
5	Membaca	Membuat rumusan berdasarkan teks. (m.s. 24)
6	Menulis	Menulis jawapan pemahaman secara kritis dan kreatif. (m.s. 29)
7	Menulis	Menulis karangan jenis syarahan dan laporan. (m.s. 40)
9	Menulis	Menulis ulasan berdasarkan bahan sastera dan bukan sastera dengan menggunakan ayat yang gramatis. (m.s. 49)
10	Membaca	Menghasilkan idea baharu dalam bentuk sajak. (m.s. 55)
11	Menulis	Menulis surat tidak rasmi untuk menyampaikan maklumat dengan menggunakan bahasa yang santun. (m.s. 61)
12	Membaca	Menyusun maklumat. (m.s. 64)
13	Menulis	Menulis perenggan berdasarkan bahan grafik secara kohesi dan koheren. (m.s.76)
14	Menulis	Menulis karangan deskriptif dan imaginatif. (m.s. 81)
17	Membaca	Membuat rumusan berdasarkan teks. (m.s. 96)
18	Membaca	Membuat rumusan berdasarkan teks. (m.s. 100)
19	Menulis	Menulis jawapan pemahaman secara kritis dan kreatif dengan betul. (m.s. 112)
20	Menulis	Membina kerangka dan menulis karangan. (m.s. 117)
22	Menulis	Menulis ulasan dengan menggunakan ayat yang gramatis. (m.s. 128)
23	Mendengar dan Bertutur	Berbicara untuk membuat rumusan secara bertatasusila. (m.s. 131)
23	Membaca	Menghasilkan idea baharu berdasarkan bahan sastera. (m.s. 132)
23	Menulis	Menulis karangan dengan berdasarkan idea utama dan idea sampingan. (m.s. 133)
24	Membaca	Menghasilkan idea baharu. (m.s. 136)
24	Menulis	Menulis surat kiriman rasmi. (m.s. 137)
25	Menulis	Menulis perenggan yang kohesi dan koheren dengan betul. (m.s. 148)
26	Membaca	Membuat ulasan tentang cerita dan rencana. (m.s. 152)
26	Menulis	Menulis perenggan secara kohesi dan koheren. (m.s. 153)
27	Membaca	Membuat rumusan berdasarkan bahan. (m.s. 156)
27	Menulis	Menulis karangan jenis autobiografi dan karangan fakta. (m.s. 157)
28	Menulis	Menulis jawapan pemahaman secara kritis dan kreatif. (m.s. 164)
29	Menulis	Menulis karangan jenis autobiografi dan surat tidak rasmi. (m.s. 169)
30	Menulis	Menulis ulasan dengan menggunakan ayat yang gramatis. (m.s. 173)
31	Menulis	Menulis karangan dengan menggunakan idea utama dan idea sampingan secara kohesi dan koheren. (m.s. 180)
32	Membaca	Menghasilkan idea baharu berdasarkan teks. (m.s. 184)
33	Membaca	Menghasilkan idea baharu berdasarkan bahan. (m.s. 188)
33	Menulis	Menulis jawapan pemahaman secara kritis dan kreatif. (m.s. 189)

Dalam Jadual 10 ini terdapat 22 elemen atau 61.11 % daripada elemen mencipta diterapkan dalam kemahiran menulis, 13 elemen atau 36.11% diterapkan dalam kemahiran membaca, dan 1 elemen atau 2.78% diterapkan dalam kemahiran mendengar dan bertutur. Ini menunjukkan bahawa elemen ini ditekankan dengan lebih mendalam dalam kemahiran menulis kerana kemahiran ini memerlukan daya fikir yang tinggi berbanding kemahiran bahasa yang lain.

Walaupun dapatan kajian ini menunjukkan bahawa elemen KBAT mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta ini terdapat dalam ketiga-tiga kemahiran membaca ini, namun jumlahnya adalah tidak seimbang. Jelas sekali elemen KBAT mencipta banyak digunakan dalam kemahiran menulis berbanding kemahiran bahasa membaca dan mendengar dan bertutur. Rajah 1 menunjukkan pecahan penerapan elemen KBAT yang terdapat dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam (2015). Rajah 1 menunjukkan taburan pengaplikasian elemen KBAT secara keseluruhan bagi setiap unit pelajaran.



Rajah 1. Kekerapan Penggunaan Elemen KBAT Mengaplikasi, Menganalisis, Menilai dan Mencipta dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam (KSSR).

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Daripada dapatan kajian yang dibincangkan di atas, jelas bahawa pengaplikasian KBAT masih tidak mencapai hasrat PPM 2013-2025 dan Bahagian Pembangunan Kurikulum (2014). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa elemen KBAR masih mendominasi arahan aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam (KSSR). Kajian ini memperlihatkan bahawa hanya 29.70% elemen KBAT diaplikasikan dalam Buku Teks BM Tahun Enam (KSSR). Dapatan juga mendapati bahawa elemen KBAT lebih banyak diaplikasikan dalam kemahiran menulis berbanding dengan kemahiran membaca dan bertutur. Dapatan ini bertentangan dengan hasrat BPK yang memberi penekanan terhadap kemahiran mendengar dan bertutur selain kemahiran bahasa yang lain.

Dapatan turut menunjukkan bahawa elemen mencipta lebih kerap diaplikasi dalam berbanding dengan elemen KBAT yang lain, manakala elemen mengaplikasi diaplikasikan pada kadar yang sangat rendah. Dapatan kajian juga menyerahkan bahawa elemen mencipta lebih banyak diaplikasi dalam kemahiran menulis berbanding dengan kemahiran bahasa yang lain. Dapatan ini menunjukkan bahawa Buku Teks BM KSSR (2015) masih belum mencapai piawaian penerapan elemen KBAT secara menyeluruh. Kajian ini juga memperlihatkan bahawa sebaran penerapan elemen KBAT dalam setiap unit dan tidak berlalu secara seimbang kerana bertumpu kepada satu-satu kemahiran KBAT sahaja. Situasi ini amat membimbangkan kerana kesediaan dan sikap guru yang tidak positif terhadap pelaksanaan KBAT ini akan menyebabkan matlamat KPM dan negara untuk meningkat penguasaan KBAT dalam kalangan murid akan gagal. Hal ini tidak boleh dipandang ringan kerana kajian-kajian yang berkenaan mendapat situasi ini memang wujud (Abdul Halim, Johari, & Norhasniza, 2014; Nursafra, Mohd Isa, & Khadijah, 2017; Chew & Zul Hazmi, 2018).

Oleh sebab itu, atas sebab isu yang dibincangkan ini, penyelidik mencadangkan agar elemen-elemen KBAT tersebut diseimbangkan dalam setiap kemahiran bahasa agar murid dapat menguasai kemahiran berfikir aras tinggi itu dengan lebih berkesan dan tidak menguasai dengan hanya satu elemen KBAT sahaja.

Selain itu, beberapa kata kunci baharu perlu dimasukkan ke dalam kumpulan elemen KBAT bagi memantapkan arahan aktiviti yang disediakan. Setiap aktiviti memerlukan arahan aktiviti yang jelas berbentuk KBAT agar tenaga pengajar, murid serta penulis buku dapat mengenal pasti jenis soalan tersebut dengan mudah. Oleh itu penyelidik mencadangkan agar kata arahan seperti menulis karangan, menulis jawapan, menulis perenggan dan membuat ulasan perlu diubah kepada ‘membina’ bagi menunjukkan elemen KBAT mencipta lebih jelas. Begitu juga dengan perkataan ‘memberi respons’ dan ‘memurnikan teks’ juga penyelidik mencadangkan agar memasukkan ‘memberi respons’ atau ‘mengedit’ sebagai kata kunci baharu dalam elemen KBAT menganalisis.

Kajian ini juga mendapati bahawa arahan aktiviti yang dinyatakan dalam buku teks yang dikaji perlu untuk diubah suai penyoalan kata kunci arahan atau pun menerapkan kata kunci baharu ke dalam elemen KBAT yang terlibat. Ini disebabkan oleh soalan-soalan yang diterapkan itu merupakan aktiviti berfikir aras tinggi, namun kata kunci yang menunjukkan elemen KBAT kurang jelas.

KESIMPULAN

Artikel ini membuktikan bahawa elemen KBAT masih rendah kekerapan penggunaannya dalam arahan dan aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam (KSSR). Di samping itu, penerapannya tidak seimbang dalam kemahiran bahasa

yang terdapat dalam buku teks ini. Dapatkan kajian turut menunjukkan bahawa penerapan elemen KBAT secara menyeluruh tidak tersebar dalam setiap unit buku teks. Berdasarkan dapatkan kajian ini, jelas bahawa penulisan buku teks perlu dinilai semula agar agar hasrat Kementerian Pendidikan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025), iaitu penerapan 75% elemen KBAT dalam buku teks Bahasa Melayu menjelang abad ke-21 menjadi kenyataan.

REFERENCES

- Abdul Halim Abdullah, Johari Surif & Norhasniza Ibrahim. (2014). Pisa 2012: Di Mana kedudukan Malaysia untuk subjek Matematik? *Prosiding Seminar Antarabangsa Kelestarian Insan 2014 (INSAN2014)*. Batu Pahat, Johor, 9 – 10 April 2014.
- Afflerbach, P., Cho, Byeong-Young & Kim, Jong-Yun. (2015). Conceptualizing and assessing Higher-Order Thinking in reading. *Theory into Practice*, 54, 203–212, DOI:10.1080/00405841.2015.1044367
- Anida Sarudin, Dahlia Janan, Zulkifli Osman & Ahmad Khair Mohd Noor. (2016). Penggunaan Bahasa Melayu kanak-kanak prasekolah berdasarkan Inventori Penilaian Kemahiran Terancang. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 4, 93-106.
- Anida Sarudin, Zulkifli Osman, Husna Faredza Mohamed Redzwan, Mohd Amir Zahari & Marlini Idris. (2020). Analisis pelaksanaan elemen kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan guru Bahasa melayu di Sekolah Menengah Orang Asli. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(1), 48-63.
- Chew Fong Peng & Zul Hazmi Hamad. (2018). Kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Melayu melalui teknik penyoloan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(1), 1-12.
- Downe-Wamboldt, B. (1992). Content analysis: Method, applications and issues. *Health Care for Women International*, 13, 313-321
- Faragher, L. & Huijser, H. (2014). Exploring evidence of Higher Order Thinking Skills in the writing of First Year Undergraduates. *The International Journal of the First Year in Higher Education*, 5(2), 33-44. doi: 10.5204/intfyhe.v5i2.230
- Farah Aziana Abdul Aziz & Fadzilah Abd Rahman. (2018). Sorotan kajian kesediaan dan keperluan guru Bahasa Melayu dalam pelaksanaan kemahiran Berfikir aras tinggi (KBAT) di bilik darjah. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 9, 80-101.
- Fitz Patrick, B. & Schulz, H. (2015). Do curriculum outcomes and assessment activities in science encourage Higher Order Thinking?. *Canadian Journal of Science, Mathematics and Technology Education*, 15(2), 136-154, DOI: 10.1080/14926156.2015.1014074
- Husna Faredza Mohamed Redzwan, Khairul Azam Bahari, Anida Sarudin & Zulkifli Osman. (2020). Strategi pengukuran upaya berbahasa menerusi kesantunan berbahasa sebagai indikator profesionalisme guru pelatih berasaskan skala morfofonetik, sosiolinguistik dan sosiopragmatik. *Malaysian Journal of Learning & Instruction*, 17(1), 187-228.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2010). Kurikulum Standard Sekolah Rendah: Bahasa Malaysia Sekolah Kebangsaan: Tahun 1. Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Ringkasan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pentaksiran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. Lembaga Peperiksaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2014). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Aplikasi Di Sekolah. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2018). Panduan Aplikasi KBAT Berdasarkan Buku Teks KBSM Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.
- Krathwohl, D. R. (2002). Revision of Bloom's Taxonomy: An overview. *Theory Into Practice*, Vol. 41, No. 4, 212-218.
- N.S. Rajendran. (2016). Teaching & acquiring Higher-Order Thinking Skills: Theory and practice. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjung Malim.
- Noor Rohana Mansor. (2009). Model analisis aras soalan kognitif: kajian terhadap Buku Teks Bahasa Melayu Sekolah Menengah Atas. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Norziana Mat Rabi. (2017). Pengukuran elemen KBAT dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam. Tesis Master yang tidak diterbitkan. Fakulti Bahasa dan Komunikasi. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nursafra Mohd Zhaffar, Mohd Isa Hamzah & Khadijah Abdul Razak. (2017). Elemen pemikiran kritis dalam konteks kemahiran berfikir aras tinggi. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(2), 92-101.
- Nurul Hasna Hassan, Ahmad Arifin Sapar & Saedah Siraj. (2020). Analisis kandungan terhadap penampilan kandungan, soalan dan aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Kurikulum Standard Sekolah Rendah Tahap Dua: Data anekdot. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, 8(2), 1-12.
- Saipolbarin Ramli, Muhammad Taufiq Abdul Ghani, Nazri Atoh & Taj Rijal Muhammad Romli. (2019). Integrasi elemen kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) berasaskan kit media dalam amalan pembelajaran dan pemudahcaraan guru pelatih Bahasa Arab. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 9(1), 33-44.
- Scales, R. Q. & Tracy, K. N. (2017). Using text sets to facilitate critical thinking in Sixth Graders. *Literacy Research and Instruction*, DOI: 10.1080/19388071.2016.1269268
- Schreier, M. (2012). Qualitative content analysis in practice. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Sri Setyarini , Ahmad Bukhori Muslim, Dwi Rukmini, Issy Yuliasri & Yanuarius Mujianto. (2018). Thinking critically while storytelling: Improving children's HOTS and English oral competence. *Indonesian Journal of Applied Linguistics*, 8(1), 189-197.
- Scully, D. (2017). Constructing multiple-choice items to measure higher-order thinking. *Practical Assessment, Research and Evaluation*, 22(4), 1-13.
- Zamri Mahamod &Mahidin Awang Itam. (2011). Sikap guru Bahasa Melayu sekolah rendah terhadap penggunaan buku teks Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(2), 17-30.
- Zulkifli Osman. (2015). Kemampuan model pengajaran Bahasa Melayu berdasarkan kemahiran berfikir melalui teknologi maklumat dan komunikasi meningkatkan tahap motivasi dan kemahiran bahasa pelajar. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literatur*, 6, 181-213.